



جَابَةُ قَنْدِيْقِيْنَ كَرِيْقِيْحْ دَرِ الْاَمَانِ

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
KOMPLEKS PENDIDIKAN, JALAN STADIUM
05604 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN



No. TELEFON : 04-740 4000
No. FAKS : 04-740 4342
LAMAM WEB : www.jpn.moe.gov.my/jpnkedah

'MUAFAKAT KEDAH'

Ruj.Kami: JPK.SKPP.UNP.S.500-3/12/22(16)
Tarikh : 28 Februari 2017

Semua Pengetua Sekolah Menengah,
Semua Guru Besar Sekolah Rendah,
Negeri Kedah Darul Aman.

Tuan,

PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SEBAGAI PEGAWAI SCHOOL IMPROVEMENT PARTNERS+ (SIPartners+) DAN SCHOOL IMPROVEMENT SPECIALIST COACHES+ (SISC+) NEGERI KEDAH TAHUN 2017

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia mempelawa Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang memenuhi syarat untuk mengisi kekosongan jawatan **SIPartners+** dan **SISC+** di **Pejabat Pendidikan Daerah Tahun 2017**.

3. Sehubungan itu, gred kenaikan pangkat yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

PPP	Calon Dan Gred Ditawarkan
SIPartners+	Pengetua Cemerlang / Pengetua Berprestasi Cemerlang Gred DG48/DG52 Dan DG54
SISC+	Guru Cemerlang Mata Pelajaran DG44/DG48/DG52 Dan DG54

4. Calon-calun mestilah memenuhi syarat-syarat umum dan khusus seperti berikut:-

4.1 Syarat-syarat Umum

- 4.1.1 Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- 4.1.2 Bebas daripada tindakan tatatertib (rujuk Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 2009);
- 4.1.3 Telah mengisytiharkan harta dalam tempoh 5 tahun pada tarikh iklan dikeluarkan;
- 4.1.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 4.1.5 Bebas daripada senarai peminjam tegar pinjaman pendidikan instituit/ tabung pendidikan;
- 4.1.6 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

4.2 Syarat-syarat Khusus SIPartners+

- 4.2.1 Telah dinaikkan pangkat ke gred semasa (DG48-DG54)
- 4.2.2 Mencapai sekurang-kurangnya 85% markah penilaian keseluruhan LNPT/PBPPP bagi 3 tahun terkini yang berturut-turut
- 4.2.3 Merupakan Pengetua Cemerlang atau pengetua berprestasi cemerlang.



